

# Kesalahan GST bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram

**KUALA LUMPUR 14 Okt.** - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akanewartakan kesalahan membabitkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebagai kesalahan berat di bawah Jadual Kedua Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dalam tempoh terdekat.

Timbalan Ketua Pengarahnya (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk T. Subromaniam berkata, antara kesalahan GST yang akan diwartakan di bawah AMLA adalah membuat penyata palsu, mengelak GST dengan menipu, memperoleh bayaran secara tidak wajar dan kesalahan berhubung invois dan resit.

Menurutnya, mana-mana peniaga yang didapati melakukan kesalahan GST yang telah disenaraikan sebagai kesalahan berat, boleh dituduh di bawah Subseksyen 4 (1) AMLA atas kesalahan pengubahan wang haram.

“Jika disabit kesalahan, boleh dipenjarakan tidak lebih 15 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai daripada aktiviti haram atau per-

alatan kesalahan itu atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi. Harta yang dihasilkan daripada aktiviti haram ini juga boleh dibekukan dan disita,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai jutawan kosmetik, Datuk Seri Dr. Hasmiza Othman yang lebih popular dengan panggilan Dr. Vida dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh semalam atas 32 pertuduhan gagal membayar GST berjumlah lebih RM4.2 juta dan tidak

mengemukakan penyata cukai tersebut sejak April 2015 sehingga Julai tahun ini.

Pengasas Vida Beauty Sdn. Bhd. itu menghadapi 16 pertuduhan, masing-masing mengikut Seksyen 41(7) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Seksyen 41(6) akta sama.

Mengulas lanjut, Subromaniam berkata, tindakan ewartakan kesalahan itu di bawah akta tersebut bertujuan untuk menggesa peniaga supaya menjelaskan GST

dengan kadar segera.

“Sehingga hari ini, lebih 3,000 kertas siasatan telah dibuka membabitkan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga di seluruh negara.

“Kita sedang menunggu keizinan daripada Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan mahkamah diambil. Bagaimanapun, peniaga yang terlibat masih mempunyai peluang untuk membayar cukai GST sehingga hujung tahun ini,” katanya.